



Latihan Pengukuhan

A. Isi tempat kosong dengan kata hubung yang paling sesuai.

yang jika meskipun sementara tetapi kerana apabila
untuk kian sebab kecuali bahawa

1. Kita perlu sedar _____ ilmu pengetahuan amat penting dalam menjamin kehidupan.
2. Mereka _____ datang lewat ke sekolah akan dikenakan tindakan tegas oleh pihak sekolah.
3. Beliau tetap mempengerusikan mesyuarat itu _____ berasa tidak begitu sihat.
4. Masalah kesihatan penduduk di kampung itu kian hari _____ pulih selepas dirawat doktor.
5. Budak itu bukan adik saya _____ rakan sekolah adik bongsu saya dalam tahun enam.
6. Oleh _____ datuk saya sudah lanjut usianya, beliau tidak lagi memanjat pokok kelapa.
7. Dia tiba lewat _____ ketinggalan bas sekolah akibat bangun lambat pagi tadi.
8. Hidupan liar akan pupus _____ hutan di negara ini tidak dikawal penebangannya.
9. Gadis itu enggan menjawab _____ saya bertanyakan punca dia menangis.
10. Semua murid menghantar buku latihan _____ Kumar kerana kerjanya belum siap.

B. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Nadiya memasang lampu di biliknya _____ menyiapkan tugas yang diberikan gurunya.
A sambil **B** lalu
2. Encik Rahman berhasrat _____ belajar ilmu agama di surau itu daripada ustaznya.
A agar **B** untuk
3. Kakak menonton cerita kegemarannya _____ menunggu kek coklatnya masak.
A sambil **B** sementara
4. Mereka bertungkus-lumus menyiapkan kerja itu _____ keletihan kerana tidak mahu kehilangan markah.
A kecuali **B** walaupun

5. Budak lelaki itu bukan sahaja pandai _____ rajin berusaha untuk berjaya.
A tetapi juga B tetapi
6. _____ berbual-bual kosong, lebih baik kalian membaca buku cerita.
A Dari B Daripada
7. Hafizal menarik nafas lega _____ dia lulus dalam ujian pemanduannya.
A bila B apabila
8. Oleh _____ kehujanan semalam, dia mengalami demam selesema.
A sebab B kerana
9. Masalah yang dihadapi oleh penduduk itu semakin hari _____ selesai.
A semakin B makin
10. Harman tidak hadir ke sekolah hari ini _____ tidak sihat.
A kerana B walaupun



Latihan Berbentuk Peperiksaan

A. Kenal pasti kesalahan tata bahasa dalam ayat di bawah.

1. Razali atau Asmawi sering dihukum kerana ponteng sekolah tetapi sikap mereka tetap tidak berubah. Tiada kesalahan.
A B C D
2. Akan saya terangkan perkara itu bila tiba masa dan ketika yang benar-benar sesuai kepada kamu. Tiada kesalahan.
A B C D
3. Jangankan rumah, sebuah motosikal pun tidak terbeli olehku dengan hasil jualan di tepi jalan ini. Tiada kesalahan.
A B C D
4. Banyak teguran dan nasihat telah diberikan walaupun sikapnya masih di takuk lama, malah kian buruk sejak akhir-akhir ini. Tiada kesalahan.
A B C D
5. Baik murid lelaki mahupun murid perempuan wajib menghadiri aktiviti kokurikulum kecuali mereka agar tidak sihat sahaja. Tiada kesalahan.
A B C D
6. Kebanyakan murid menyertai koperasi sekolah yang ditubuhkan kerana memberikan keuntungan yang tinggi pada setiap tahun. Tiada kesalahan.
A B C D